

Headline **Ramai hidap HIV melalui seks**
Date **25 Nov 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **3**
Article Size **323 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,808**
PRValue **8,425**



Sebanyak 87,810 rakyat Malaysia kini dilaporkan dijangkiti HIV

Ramai hidap HIV melalui seks

KUALA LUMPUR – Orang ramai khususnya kaum wanita di negara ini dinasihati agar menyedari cara dan trend HIV menjangkiti mereka, kata Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Heng Seai Kie.

Beliau berkata, kini lebih ramai wanita dan remaja perempuan di negara dijangkiti HIV menerusi hubungan seks berbanding sebelum ini melalui suntikan dadah (IDU).

Katanya, lebih membimbangkan, kebanyakan wanita dan budak perempuan di Asia kini dijangkiti virus itu menerusi hubungan seks dengan suami atau teman lelaki mereka yang menghidapi HIV.

Malah kata beliau, menurut laporan Suruhanjaya mengenai AIDS di Asia 2008, lelaki yang telah dijangkiti HIV menerusi IDU dan mengadakan hubungan seks rambang akan meningkatkan lagi jumlah wanita dijangkiti penyakit itu pada masa akan datang.

“Kini trend baru pesakit HIV baru di negara ini dijangkiti menerusi hubungan seks berbanding sebelum ini jangkitan HIV di kalangan penagih dadah melalui suntikan. Keadaan ini agak membimbangkan,” katanya.

Setakat ini, seramai 87,810 rakyat Malaysia dilaporkan dijangkiti HIV sama ada menerusi suntikan jarum ataupun hubungan seks.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapan pada pelancaran perbincangan meja bulat mengenai kedudukan Wabak HIV dan AIDS di Malaysia di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh

Ketua pengarah Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara, Datuk Aminah Abdul Rahman.

Perbincangan meja bulat itu yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Malaysia dihadiri 100 orang pegawai kanan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bertujuan menyediakan satu landasan bagi membincangkan pembangunan dan kemajuan wabak HIV di Malaysia.

Sebagai salah satu cara bagi membendung masalah tersebut, Seai Kie berkata, sukatan mata pelajaran mengenai Kesihatan Reproduksi dan Pendidikan Sosial akan diperkenalkan di semua sekolah menengah pada tahun hadapan.

“Sukatan mata pelajaran ini akan membolehkan remaja kita lebih melindungi diri mereka daripada gejala sosial seperti mengadakan hubungan seks

haram dan memastikan mereka berpengetahuan dalam peranan dan tanggungjawabnya sebagai seorang lelaki, wanita, remaja lelaki dan remaja perempuan,” katanya. – Bernama

Info HIV

- HIV atau Human Immunodeficiency Virus adalah virus yang memusnahkan sistem ketahanan badan seseorang dan menyebabkan AIDS.
- HIV mudah dijangkiti melalui cecair badan seperti darah, air mani, cecair faraj dan susu ibu.
- HIV boleh merebak melalui hubungan seks, perkongsian jarum suntikan dan pemindahan darah.
- Selain itu, ibu yang telah dijangkiti boleh merebakkan HIV kepada bayinya ketika dalam rahim, melahirkan atau sewaktu menyusu.
- Kes pertama HIV dikesan di Malaysia adalah pada tahun 1986.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Headline **Ramai hidup HIV melalui seks**
Date **25 Nov 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **3**
Article Size **323 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,808**
PRValue **8,425**



LEBIH ramai wanita negara ini kini dijangkiti HIV menerusi hubungan seks berbanding suntikan dadah. – Gambar hiasan